

03 AUG 2001

Mahathir-Pas

PAS ADA STRATEGI DI SEBALIK KEENGGANAN PATUHI LARANGAN: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keengganan Pas mematuhi larangan terhadap ceramah terbuka adalah strategi politik parti itu supaya anggotanya ditangkap dan mereka boleh menuduh kononnya Malaysia tidak demokratik dan merupakan negara polis.

Perdana Menteri berkata sungguhpun ada kebebasan bersuara di negara ini, ia ada hadnya dan politik keterlaluan Pas tidak boleh dibiarkan sehingga menjejaskan kestabilan negara.

Justeru langkah untuk menghentikan ceramah terbuka telah diambil, katanya.

"Saya telah terangkan semalam, di negara-negara demokratik yang lain, selepas pilihan raya segala kegiatan kempen dihentikan, tetapi di Malaysia ini, Pas selepas pilihan raya akan terus berkempen sehingga pilihan raya akan datang.

"Dia kempen sahaja tak apa, tetapi dia menyebabkan orang menjadi 'agitated' (resah) kerana kempenya berpusat kepada membenci kerajaan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang 2000 Kementerian Kewangan di Taman Mini, Khazanah Negara di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata sungguhpun Pas mendakwa tidak menjanjikan syurga kepada mereka yang menyokong parti itu tetapi para penyokong Pas masih bercakap bahawa kerajaan sekarang tidak Islam dan sebagainya.

"Ini menyebabkan ramai orang tidak boleh buat kerja, tidak boleh belajar, kerana mereka terlalu resah akibat kempen membenci seperti itu.

"Dalam masjid, dia berceramah, maki orang dalam masjid, dalam universiti dia pergi kacau... merata tempat, seolah-olah tidak berhenti langsung kempen, walaupun kita benarkan kebebasan bersuara, tetapi ia ada hadnya," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan bersedia, bahkan sudah memisahkan pelajaran daripada politik, sebaliknya Pas masuk ke tadika, sekolah dan universiti dan mempolitikkan pelbagai perkara kepada pelajar.

Usaha itu diteruskan apabila pelajar memasuki alam pekerjaan, katanya.

"Ini politik keterlaluan dan ia bukan bertujuan untuk membangunkan negara, ia bertujuan untuk menimbulkan kebencian kepada kerajaan supaya dia dapat sokongan untuk nak rebut kuasa.

"Di Amerika, di England, di Jerman, di mana-mana pun lepas pilihan raya, mereka secara sukarela berhenti (daripada berkempen)... mungkin ada sekali-sekala seminar ataupun apa-apalah," katanya.

Bagaimanapun Pas mengadakan ceramah di 100 tempat setiap hari mengikut akhbar Harakah, organ parti itu, dan kandungan ceramah itu semuanya sama iaitu maki kerajaan dan melempar fitnah, katanya.

-- BERNAMA

AFY ZS NMO